

Bahasa Arab diputarbelit untuk dakyah — Mahathir

UM - 6 AUG 1983

KELANA JAYA 5 Ogos
— Perdana Menteri hari ini berkata, terdapat golongan ulamak dan ustaz palsu yang memutarbelitkan bahasa Arab semasa menyebarkan dakyah - dakyah mengenai ajaran Islam kepada umat di negara ini.

Golongan ini, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, mengambil kesempatan kerana orang-orang Melayu lebih terpengaruh dengan bahasa Arab kerana kebanyakannya menganggap bahasa Arab itu adalah Islam.

Beliau berucap merasmikan majlis gerak kerja Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Kompleks Jemaah Haji di sini.

"Ramai yang masih tidak tahu bahawa bahasa Arab juga digunakan untuk menyebarkan agama Kristian kerana ramai di kalangan masyarakatnya (Arab) beragama Kristian," tegas Perdana Menteri.

Beliau mahu masyarakat di negara ini memahami bahawa bahasa Arab bukanlah media yang menunjukkan agama Islam itu sendiri.

Sebenarnya, tambah beliau gelaran ustaz yang lazim digunakan boleh digantikan dengan guru dalam Bahasa Malaysia begitu juga ulamak yang boleh disifatkan sebagai pakar.

Bagaimanapun, tambahnya, ramai yang masih terpengaruh apabila berhadapan dengan seseorang yang menggelarkan dirinya ulamak walaupun mereka sebenarnya bukan ulamak.

Dalam hubungan ini, katanya, ulamak yang tulen telah dikecam kerana telah dicampuradukkan dengan

**Oleh Fuad
Abdul Rahman**

orang-orang yang tidak bertanggungjawab menggelarkan diri mereka ulamak.

Di samping gelaran ulamak dan ustaz, katanya, terdapat juga gelaran - gelaran lain seperti syeikh yang digunakan untuk tujuan yang sama iaitu mempengaruhi masyarakat Islam dengan dakyah-dakyah palsu.

Memandangkan agama memainkan peranan penting dalam negara, katanya semua pemimpin parti dan masyarakat Islam seluruhnya mestilah memahami ajaran-ajaran Islam dengan sebenar - benarnya.

Tafsiran

Kerajaan, menurutnya tidak mahu melihat tafsiran - tafsiran agama yang tidak betul disebarkan kepada masyarakat Islam di negara ini.

Beliau khuatir ada yang akan terpengaruh dengan tafsiran - tafsiran tersebut jika mereka tidak faham ajaran Islam sebenarnya kerana sekarang terdapat ramai pentafsir yang boleh mengelirukan ajaran Islam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berharap agar masyarakat Islam tidak terpengaruh dengan pendapat dan pandangan yang tidak secocok dengan ajaran Islam.

Beliau juga mengingatkan, kumpulan ulamak yang menyebarkan dakyah palsu itu mempunyai tujuan yang menyimpang dari ajaran

Islam.

"Mereka sepatutnya mendapat gelaran ulamak dari seseorang dan bukan menggelarkan diri mereka sendiri," tegas Perdana Menteri.

Di samping itu beliau berharap semua kaum di negara ini bekerjasama dalam semua aspek pembangunan agar tidak ada kaum yang ketinggalan tetapi mengecapi nikmat pembangunan dengan seimbang.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dalam ucapannya berkata, majlis gerak kerja itu diadakan untuk mewujudkan lebih ramai pemimpin wanita yang seimbang dan serba lengkap supaya dapat menyumbang dengan lebih berkesan dalam pembangunan negara.

Katanya, Pergerakan Wanita UMNO menyedari kekikatan betapa perlu wujud pemimpin - pemimpin yang serba lengkap dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab demi menjamin keutuhan dan kestabilan UMNO.